

Ditentang hebat, BN pertahan Pulau Pinang
Malaysiakini.com
Mar 07, 2008

kemaskini Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin Barisan Nasional (BN) akan dapat mempertahankan Pulau Pinang memandangkan tumpuan pembangkang hanyalah di bahagian pulau tetapi BN kuat di bahagian tanah besar negeri itu.

abdullah ahmad badawi pak lah 110907Katanya, jikapun pembangkang menang banyak di bahagian pulau, jumlah kerusinya tidak akan mencukupi untuk merampas Pulau Pinang dalam pilihanraya umum esok.

Negeri itu mempunyai 40 kerusi Dewan Undangan Negeri -- 21 daripadanya di bahagian tanah besar dan 19 lagi di pulau.

Kecuali DUN Permatang Pasir yang dimenangi calon PAS dan Sungai Puyu (DAP), baki 19 kerusi DUN di tanah besar dimenangi oleh BN - 10 Umno, MCA (4), Gerakan (3), MIC (2).

Abdullah yang juga pengerusi BN menyatakan keyakinannya itu dalam wawancara khas menjelang pilihanraya umum yang disiarkan secara langsung di TV3 malam ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan ketua umum PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa pembangkang akan menubuhkan kerajaan negeri di Pulau Pinang selepas pengundian esok.

Umumnya, parti-parti pembangkang dilihat mempunyai peluang yang cerah untuk memenangi kira-kira lapan lagi kerusi DUN.

Kerusi-kerusi tersebut: Perai, Bagan Dalam, Bagan Jermal, Padang Lalang, Bukit Tambun, Air Putih, Batu Lanchang dan Paya Terubong.

DAP dan PAS masing-masing dijangka dapat mengekalkan kerusi DUN Sungai Puyu dan Permatang Pasir.

Pemangku presiden Gerakan Tan Sri Dr Koh Tsu Koon sendiri hari ini mengakui BN digempur kuat di 10 kerusi DUN.

"Memang inilah tentangan terbesar yang dihadapi BN sejak 1990 dan saya harus akui memang wujud angin yang sangat kuat yang dibawa pembangkang," beliau dipetik sebagai berkata oleh laman web The Star di sebuah sidang media.

Jika ia menjadi kenyataan, MCA akan kehilangan banyak kerusi kerana calon-calonnya bertanding di lima "kawasan hitam" bagi BN, berbanding Gerakan (2) dan Umno (1).

Di pihak pembangkang pula, DAP akan menang jumlah kerusi DUN terbanyak kerana itu bertanding di sembilan kerusi DUN, PKR (1) dan PAS (1).

Dua lagi DUN - Kebun Bunga dan Komtar - yang dianggap sebagai kawasan kelabu, mempunyai peluang 50-50 untuk calon Gerakan dan MCA yang bertanding di situ. PKR bertanding di Kebun Bunga, manakala DAP bersaing di Komtar.

Source : <http://www.malaysiakini.com/news/79397>